



SOROTAN KEWANGAN 2024

Pada tahun 2024, Khazanah menghasilkan keputusan kewangan dan strategik yang kukuh, disokong oleh keadaan ekonomi domestik yang teguh dan pelaksanaan pelaburan yang berdisiplin.

Kami mencapai keuntungan daripada operasi sebanyak RM5.1 bilion, dipacu oleh pendapatan dividen yang stabil, strategi pengewangan aktif dan peningkatan ekuiti awam global. Nilai Aset Bersih (NAV) Portfolio Keseluruhan kami meningkat kepada RM103.6 bilion, mewakili peningkatan RM18.8 bilion daripada tahun 2023. Sejak tahun 2004, portfolio kami telah bertambah kepada RM104 bilion daripada RM33 bilion, mencerminkan Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkompaun (CAGR) sebanyak 5.9%.

Portfolio Pelaburan mencatatkan Kadar Pulangan Berwajaran Masa (TWRR) sebanyak 24.6% pada tahun 2024. Peningkatan ketara daripada 5.7% pada tahun sebelum disokong oleh prestasi kukuh daripada ekuiti awam Malaysia dan pemulihan dalam pasaran membangun dan baru muncul.

RAV kepada nisbah hutang mengukuh kepada 3.2x, mencerminkan pengurusan penyataimbangan yang bijak. Kami tetap mengekalkan daya tahan kewangan dan mencapai hasil strategik yang menyokong keutamaan negara meskipun terdapat pergolakan pasaran.

Kami mengisytiharkan dividen sebanyak RM1 bilion kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan), dengan dividen kumulatif sejak tahun 2004 berjumlah RM19.1 bilion.

Khazanah mencatatkan
keuntungan

RM5.1 bilion
(2023: RM5.9 bilion)

NAV daripada
Portfolio Keseluruhan
meningkat kepada

RM103.6 bilion
(2023: RM84.8 bilion)



Portfolio Pelaburan
NAV TWRR meningkat
kepada

24.6%
(2023: 5.7%)



RAV kepada nisbah
hutang mengukuh
kepada

3.2x
(2023: 2.7x)



Membayar

RM1 bilion

dividen kepada
Menteri Kewangan
(Diperbadankan)

SOROTAN KEWANGAN 2024

PORTFOLIO KHAZANAH KESELURUHAN



Portfolio Pelaburan

RM140.9
bilion

**Pelaburan dengan
jangkaan pulangan
komersial**

Meneruskan usaha mengimbangkan semula ke arah sasaran Peruntukan Aset Strategik.



Portfolio Dana Impak

RM6.0
bilion diagihkan

**Pelaburan dengan hasil
impak sosioekonomi
bersasar**

Melaksanakan pelaburan pragmatik merentas bidang-bidang utama seperti memangkinkan ekosistem modal teroka (VC), meningkatkan syarikat-syarikat kumpulan pertengahan dan mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam semikonduktor & pembuatan maju.




Aset Pembangunan

RM5.9
bilion

**Pelaburan pembangunan
jangka panjang yang
berpotensi untuk
memberikan impak ekonomi**

Terus memandu syarikat-syarikat ke arah kemampuan kewangan jangka panjang.



Aset Situasi Khas



**Aset yang memerlukan
pemulihan dari segi
keuntungan dan aliran tunai
operasi mampan**

Secara aktif menguruskan dan memutuskan aset yang mendepani cabaran operasi yang besar.